

# WARGA KUKUM - SIHAT SEPANJANG HAYAT

"Sikap suka meletakkan diri di dalam keadaan selesa menyebabkan ramai orang melepaskan peluang untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, walaupun ia diberikan secara percuma"

Rektor KUKUM, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin berkata, ekoran daripada sikap ini, ada yang tidak boleh menerima hakikat apabila diberitahu mereka menghidap sesuatu penyakit serius kerana tidak mengalami sebarang gejala. Kehadiran penyakit kronik ini tidak dirasai dan pesakit masih boleh menjalankan kegiatan harian tanpa masalah kerana kesan hanya timbul apabila penyakit telah sampai ke tahap serius.

Beliau berucap dimajlis Program Pendidikan Kesihatan yang dianjurkan oleh Persatuan Isteri Dan Kakitangan Wanita KUKUM (PISKANITA). Program ini diadakan sebagai langkah prihatin untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani di kalangan warga KUKUM.

Rektor KUKUM yang memuji program itu berharap lebih banyak kegiatan seumpama itu dapat diteruskan lagi di masa hadapan dengan penyertaan dibuka kepada masyarakat Perlis. Baginya memberi pendidikan kesihatan mengenai penyakit kronik amat penting pada masa kini.

Antara pihak yang hadir pada program itu, Pengerusi PISKANITA, Datin Noridah Binti Yangman, Naib Pengerusi PISKANITA, Puan Zaidah Binti Jaafar, Pegawai-pegawai dari Pejabat Kesihatan, Klinik Pergigian dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta warga KUKUM. Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut seperti pemeriksaan kesihatan percuma seperti pemeriksaan darah, kolestrol, Ujian HIV dan ceramah yang disampaikan oleh pegawai dari Pejabat Kesihatan Kangar.

